

17 MAY 1996

Salleh-Sumpah

SALLEH BELUM DIMAKLUMKAN TARIKH ANGKAT SUMPAAH KETUA MENTERI BARU

KOTA KINABALU, 17 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Mohd Salleh Said Keruak berkata beliau belum dimaklumkan tentang tarikh majlis mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri baru dalam sistem penggiliran jawatan itu di Sabah.

Katanya beliau bersedia bila-bila masa sahaja menyerahkan tugas kepada Ketua Menteri baru sebaik sahaja surat perletakannya berkuatkuasa dan perlantikan baru dibuat.

"Setakat ini saya belum tahu lagi bila majlis (mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri) itu diadakan...saya masih menunggu," katanya kepada pemberita selepas majlis menyerah surat persetujuan kerajaan negeri untuk menaikkan jumlah tajaannya terhadap Anugerah Kewartawanan Kinabalu Shell dari RM14,000 setahun ke RM20,000.

Penambahan sumbangan itu diperlukan bagi menampung hadiah wang tunai untuk kategori media elektronik bagi Sabah yang mula diperkenalkan tahun ini.

Surat persetujuan itu diterima oleh Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA) Joniston Bangkuai dan turut disaksikan oleh Timbalan Presiden SJA Openg Onn Net, yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur anugerah itu tahun ini, dan Abdul Rahman Fadzail, wakil Sabah Shell Petroleum Co. (SPPC), satu lagi penaja anugerah itu.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perlantikan Timbalan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee bagi menggantikan tempat Salleh belum dapat dibuat kerana beberapa urusan yang belum selesai.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini berada di Tokyo, sudah memberikannya beberapa arahan umum tetapi setelah diteliti ada beberapa urusan yang perlu diselesaikan.

Baru-baru ini Dr Mahathir mengumumkan bahawa beliau akan meneruskan janji yang dibuat menjelang pilihan raya negeri 1994, untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri di kalangan tiga masyarakat utama negeri ini -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina, jika Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya itu.

BN kalah tipis di tangan Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam pilihan raya itu tetapi mengambil alih tampuk pemerintahan setelah beberapa orang anggota PBS meninggalkan parti itu sama ada untuk menyertai komponen BN atau menubuh parti baru, yang kemudian diterima ke dalam BN.

Pengerusi BN Sabah ketika itu, Tan Sri Sakaran Dandai, yang juga bekas Ketua Perhubungan Umno Sabah, mengangkat sumpah jawatan untuk menjadi Ketua Menteri sebelum menyerahkannya kepada Salleh pada hujung Disember 1994, setelah berhasrat untuk bersara dan kemudian dilantik sebagai Yang DiPertua Negeri.

Tempoh Salleh sepatutnya tamat pada 17 Mac lepas tetapi dilanjutkan sehingga Dr Mahathir membuat keputusan sama ada meneruskan janji penggiliran itu atau tidak.

Dua hari lepas, Dr Mahathir berkata Yong kini boleh dilantik sebagai Ketua Menteri setelah kes mahkamahannya selesai.

Yong dan empat yang lain mengaku bersalah di Mahkamah Majistret terhadap tuduhan pindaan mengambil bahagian dalam perarakan haram dan dihukum RM1,000 setiap seorang. Hukuman itu tidak menjejaskan kelayakan Yong untuk mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri.

Sementara itu, beberapa pemimpin Umno Sabah ketika dihubungi berkata jika perlantikan Yong menghadapi sebarang masalah maka adalah lebih baik ia

dikaji semula.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Haji Abdul Karim Ghani berkata Umno Sabah memang menolak sistem penggiliran itu dari awal kerana menyedari masalah yang mungkin dihadapi tetapi terpaksa akur dengan keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan.

"Jika pucuk pimpinan kini mendapati memang benar masalah itu wujud maka adalah wajar keputusan itu dikaji semula," katanya.

Ketua Umno Bahagian Tenom, Rizalman Abdullah berkata adalah lebih baik perlantikan itu ditarik semula daripada menimbulkan sebarang implikasi di kemudian hari.

Ketua Umno Bahagian Beluran, Surady Kayong berkata beliau bersetuju agar pucuk pimpinan BN menyelesaikan terlebih dahulu sebarang masalah yang timbul, jika tidak akhirnya BN Sabah juga yang menerima padah.

Ditanya apakah kemungkinan masalah yang dihadapi, beliau berkata ia mungkin ada hubungan dengan soal politik dan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi.

Semalam Timbalan Presiden PBS, Dr Maximus Ongkili berkata perlantikan Yong, yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) dari parti minoriti dalam BN dengan hanya lima kerusi dalam Dewan Undangan Negeri, akan memberi kesan terhadap kestabilan politik negeri ini.

Beliau berkata adalah sukar untuk rakyat menerima Ketua Menteri dari parti yang tidak mendapat sokongan majoriti.

-- BERNAMA

OPP AKD